- (g) penangguhan Cuti Sabatikal yang dibenarkan di bawah peraturan 20;
- (h) untuk menanggungkan pemergian dalam Cuti Sabatikal yang dibenarkan di bawah peraturan 17(2);
- (i) penahanan kerja atau penggantungan kerja di bawah sebarang peraturan tata tertib Universiti; atau
- (j) penahanan di bawah sebarang undang-undang Negara Brunei Darussalam;

“Cuti Sabatikal” bermakna jumlah tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul bagi maksud belajar dan cuti tambahan yang diberikan bagi maksud yang sama dengan yang disebutkan dalam peraturan 4(2);

“kakitangan pengajar” bermakna seseorang kakitangan pengajar yang memenuhi prasyarat yang disebutkan dalam peraturan 5 untuk dipertimbangkan bagi pemberian Cuti Sabatikal.

Kategori jawatan yang dikawal oleh Peraturan-Peraturan.

3. Peraturan-peraturan ini hendaklah dikenakan hanya kepada kakitangan pengajar Universiti, Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah.

Cuti Sabatikal.

4. (1) Cuti Sabatikal diberikan untuk digunakan bagi sebarang maksud atau mana-mana gabungan maksud yang berikut –

(a) bagi kajian atau penyelidikan dalam bidang pembelajaran tertentu yang biasanya berkaitan dengan kekhususan kakitangan pengajar atau bidang pengajaran di Universiti tetapi bukan untuk mengejar suatu ijazah atau kelayakan yang lebih tinggi;

(b) bagi lawatan untuk memperoleh dan mendapat pengalaman dalam perkembangan dan kemajuan terbaru dalam bidang pembelajaran tertentu yang biasanya berkaitan dengan kekhususan kakitangan pengajar atau bidang pengajaran di Universiti.

(2) Cuti Sabatikal terdiri dari –

(a) suatu tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang telah dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk dikumpul bagi maksud belajar atau maksud-maksud yang disebutkan dalam peraturan kecil (1) dan untuk melayakkan bagi pemberian cuti tambahan bagi maksud atau maksud-maksud yang sama; dan

(b) suatu tempoh cuti tambahan untuk menambah tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul bagi maksud atau maksud-maksud belajar, yang dibenarkan di bawah peraturan 10.

(3) Tertakluk kepada peraturan 15(4), seseorang kakitangan pengajar boleh memohon kesemua atau sebahagian dari Cuti Sabatikal untuk digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Prasyarat bagi pemberian Cuti Sabatikal.

5. Seseorang kakitangan pengajar mestilah memenuhi prasyarat yang berikut untuk dipertimbangkan bagi pemberian Cuti Sabatikal –

(a) kajian atau penyelidikannya mestilah dalam bidang pembelajaran tertentu, yang biasanya berkaitan dengan kekhususan kakitangan pengajar atau bidang pengajaran di Universiti; atau di Negara Brunei Darussalam;

(b) dia mestilah seorang rakyat Negara Brunei Darussalam atau seorang penduduk tetap, yang memegang suatu jawatan tetap;

(c) dia telah berkhidmat dengan Universiti tidak kurang dari 36 bulan yang dikira –

(i) dari tarikh lantikan permulaan ke jawatan atau jawatan-jawatan itu sehingga tarikh pemergian dalam Cuti Sabatikal, dalam hal seseorang kakitangan pengajar yang mengambil Cuti Sabatikal buat kali pertama;

(ii) dari tarikh dia bertugas semula selepas kembali dari Cuti Sabatikal sebelum itu sehingga tarikh pemergian dalam Cuti Sabatikal sekarang ini, dalam hal seseorang kakitangan pengajar yang pada bila-bila masa sebelum ini telah mengambil Cuti Sabatikal; atau

- (iii) dari tarikh pemergian dalam Cuti Sabatikal jika Cuti Sabatikal itu belum luput di bawah peraturan 17(1) sehingga tarikh pemergian dalam Cuti Sabatikal sekarang ini, dalam hal seseorang kakitangan pengajar yang Cuti Sabatikalnya telah luput di bawah peraturan itu;
- (d) dia telah dibenarkan untuk mengumpul bilangan hari yang mencukupi bagi cuti tahunan yang diperoleh untuk melayakkan bagi pemberian cuti tambahan untuk digunakan bagi maksud atau maksud-maksud belajar;
- (e) program belajarnya disokong oleh Ketua Jabatannya dan Dekan, jika berkenaan, dan dibenarkan oleh Naib Canselor; dan
- (f) Naib Canselor berpuas hati bahawa program belajar kakitangan pengajar yang dicadangkan itu akan mendatangkan manfaat kepada negara, Universiti dan kakitangan pengajar.

Had cuti tahunan yang dibenarkan untuk dikumpul.

6. Tempoh maksimum cuti tahunan yang diperoleh yang boleh dikumpul dalam mana-mana tahun kalendar bagi maksud-maksud belajar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah 40 hari.

Tempoh maksimum Cuti Sabatikal.

7. Tempoh Cuti Sabatikal yang dipohonkan atau diberikan kepada seseorang kakitangan pengajar tidak boleh melebihi 360 hari di sepanjang tempoh kerjayanya dengan Universiti.

Had tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan.

8. (1) Had satu Cuti Sabatikal yang boleh diberikan tidak boleh melebihi 180 hari berkaitan dengan tiap-tiap tempoh perkhidmatan residen yang berterusan selama 36 bulan.

(2) Seseorang kakitangan pengajar boleh memohon kebenaran untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh berkaitan dengan perkhidmatan residen yang berterusan melebihi 36 bulan untuk melayakkan bagi pemberian Cuti Sabatikal melebihi 180 hari tetapi tidak melebihi 360 hari, dengan syarat bahawa tidak lebih dari dua tempoh Cuti Sabatikal melebihi 180 hari setiap satu tempoh hendaklah diberikan di sepanjang tempoh kerjayanya dengan Universiti.

Permohonan untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh dan bagi pemberian cuti tambahan.

9. (1) Seseorang kakitangan pengajar yang bercadang untuk mengumpul cuti tahunannya yang diperoleh bagi maksud-maksud belajar di bawah Peraturan-Peraturan ini mestilah memohon kebenaran untuk mengumpul cuti tersebut dan bagi pemberian cuti tambahan dalam suatu borang yang dibenarkan oleh Pendaftar dan Setiausaha dan mengemukakannya kepada Pendaftar dan Setiausaha melalui Ketua Jabatan yang berkenaan dan Dekan, jika berkenaan.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, cuti tahunan yang diperoleh berkaitan dengan mana-mana bulan tertentu bermakna cuti tahunan yang diperoleh dari hari pertama sehingga hari terakhir dalam bulan itu.

(3) Permohonan itu mestilah dikemukakan tidak kurang dari 2 bulan sebelum bulan dari ketika pengumpulan cuti tahunan yang diperoleh bermula.

Misalan

Jika seseorang kakitangan pengajar memohon untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh dari 1hb Ogos dalam mana-mana tahun, dia perlu mengemukakan permohonannya tidak lewat dari 1hb Jun sebelumnya.

(4) Permohonan itu hendaklah memberikan butir-butir yang berikut –

- (a) jumlah tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dicadangkan untuk dikumpul;
- (b) bulan dari ketika cuti tahunan yang diperoleh mula dikumpul bagi maksud atau maksud-maksud belajar;
- (c) bilangan hari cuti tambahan yang dikehendaki;
- (d) maksud Cuti Sabatikal itu dikehendaki, dengan memberikan nama-nama dan tempat-tempat institusi di mana Cuti Sabatikal itu dicadangkan hendak digunakan; dan
- (e) tarikh pemergian yang dicadangkan sekiranya permohonan untuk mendapatkan Cuti Sabatikal itu dibenarkan.

Pemberian cuti tambahan bagi maksud-maksud belajar.

10. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (3) dan had-had yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan 6 hingga 8, cuti tambahan boleh diberikan dalam nisbah satu hari cuti tambahan bagi setiap 2 hari cuti tahunan yang dibenarkan untuk dikumpul bagi maksud-maksud belajar, sebagaimana yang ditunjukkan dalam contoh-contoh yang berikut –

- (a) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 120 hari, cuti tambahan sehingga 60 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang akan diberikan adalah 180 hari;
- (b) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 140 hari, cuti tambahan sehingga 70 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 210 hari;
- (c) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 160 hari, cuti tambahan sehingga 80 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 240 hari;
- (d) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 180 hari, cuti tambahan sehingga 90 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 270 hari;

(e) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 200 hari, cuti tambahan sehingga 100 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 300 hari;

(f) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 220 hari, cuti tambahan sehingga 110 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 330 hari; atau

(g) jika tempoh cuti tahunan yang diperoleh yang dibenarkan untuk dikumpul adalah 240 hari, cuti tambahan sehingga 120 hari boleh diberikan, menjadikan jumlah tempoh Cuti Sabatikal yang boleh diberikan adalah sehingga 360 hari.

(2) Seseorang kakitangan pengajar boleh memohon suatu tempoh cuti tambahan yang kurang dari tempoh yang dia mungkin layak jika dikira menurut peraturan kecil (1).

(3) Universiti adalah berhak untuk memberikan kepada seseorang kakitangan pengajar suatu tempoh cuti tambahan yang kurang dari tempoh yang kakitangan pengajar itu mungkin telah layak jika dikira menurut peraturan kecil (1), dengan mengambil kira keterdesakan perkhidmatan dan kepentingan Universiti.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perjawatan bagi kebenaran.

11. (1) Selepas menerima permohonan seseorang kakitangan pengajar yang dibuat di bawah peraturan 9(1), Naib Canselor hendaklah, setelah mengambil kira sokongan Ketua jabatan yang berkenaan dan Dekan, jika berkenaan, dan tertakluk kepada keterdesakan perkhidmatan, memutuskan sama ada permohonan itu mempunyai merit atau patut ditolak atau dirujukkan balik untuk disemak dan dikemukakan semula.

(2) Jika Naib Canselor berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu mempunyai merit, dia hendaklah mengarahkan supaya permohonan itu dikemukakan kepada Lembaga Perjawatan untuk pertimbangan dan kebenaran.

(3) Lembaga Perjawatan boleh sama ada membenarkan atau menolak sesuatu permohonan itu atau merujukkannya balik kepada kakitangan pengajar itu bagi perubahan atau penyemakan. Keputusan Lembaga Perjawatan hendaklah disampaikan kepada kakitangan pengajar itu oleh Pendaftar dan Setiausaha.

Pengumpulan cuti tahunan dan pemberian cuti tambahan bukan sebagai suatu hak.

12. Pengumpulan cuti tahunan yang diperoleh dan pemberian cuti tambahan untuk digunakan sebagai Cuti Sabatikal adalah bukan sebagai suatu hak tetapi adalah suatu keistimewaan yang diberikan atas budibicara Universiti, dengan mengambil kira keterdesakan perkhidmatan dan kepentingan Universiti.

Pengecualian dari kehendak untuk mengambil cuti mandatori pada tiap-tiap tahun.

13. (1) Bagi membolehkan seseorang kakitangan pengajar untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh sehingga 40 hari maksimum bagi setiap tahun kalendar, Lembaga Perjawatan boleh, apabila menimbangkan suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan 9(1), mengecualikan kakitangan pengajar itu dari kehendak mandatori untuk mengambil 14 hari cuti tahunan berkaitan dengan tahun kalendar di mana cuti tahunan yang diperoleh dibenarkan untuk dikumpul.

(2) Pengecualian yang disebut dalam peraturan kecil (1) hendaklah dikenakan hanya berkaitan dengan suatu tahun kalendar di mana jumlah hak seseorang kakitangan pengajar itu terhadap cuti tahunan bagi tahun kalendar itu tidak melebihi 48 hari.

Luputnya baki cuti tahunan yang diperoleh yang tidak dikumpul dan tidak digunakan.

14. Sekiranya seseorang kakitangan pengajar itu dibenarkan untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh bagi maksud-maksud belajar, sebarang baki cuti tahunan yang di-

peroleh yang tidak dikumpul dan tidak digunakan pada masa kakitangan pengajar itu pergi dalam Cuti Sabatikal hendaklah dianggap telah luput.

Pengemukakan program belajar bagi kebenaran sebelum meneruskan Cuti Sabatikal.

15. (1) Kebenaran yang diberikan oleh Lembaga Perjawatan kepada seseorang kakitangan pengajar untuk mengumpul cuti tahunan yang diperoleh dan pemberian cuti tambahan di bawah peraturan 10(1) bukan merupakan kebenaran bagi kakitangan pengajar itu untuk meneruskan Cuti Sabatikal. Kakitangan pengajar itu mestilah juga mengemukakan suatu program belajar bagi kebenaran Naib Canselor sebelum dia dibenarkan untuk meneruskan Cuti Sabatikal.

(2) Program belajar itu mestilah dikemukakan kepada Pendaftar dan Setiausaha melalui Ketua jabatan yang berkenaan dan Dekan, jika berkenaan, sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh pergi yang dicadangkan dalam Cuti Sabatikal, dengan memberikan butir-butir yang berikut –

(a) institusi-institusi dan tempat-tempat di mana kajian atau penyelidikan atau lawatan itu akan dijalankan, dengan salinan-salinan surat yang berkaitan daripada institusi-institusi tersebut yang mengesahkan penerimaan kakitangan pengajar itu bagi maksud-maksud belajar tertentu;

(b) maksud-maksud Cuti Sabatikal;

(c) tempoh tepat dan tarikh-tarikh Cuti Sabatikal yang dikehendaki;

dan

(d) tarikh pergi yang dicadangkan.

(3) Jika mana-mana butir yang disebutkan dalam peraturan kecil (2) adalah berlainan dari butir-butir yang diberikan lebih awal di bawah peraturan 9(4)(d), perubahan dan sebab bagi perubahan itu mestilah dinyatakan dengan jelas dalam program belajar itu.

(4) Seseorang kakitangan pengajar boleh mengemukakan suatu program belajar bagi seluruh atau sebahagian dari Cuti Sabatikalnya yang akan dijalankan di Negara Brunei Darussalam dengan syarat bahawa bahagian yang dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam mestilah bagi suatu tempoh tidak kurang dari 90 hari.

(5) Naib Canselor boleh, setelah berunding dengan Ketua jabatan yang berkenaan dan Dekan, jika berkenaan dan jika perlu, membenarkan, menolak atau merujukkan balik program belajar tersebut kepada kakitangan pengajar itu untuk penyemakan atau perubahan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib Canselor.

(6) Suatu program belajar yang telah dibenarkan oleh Naib Canselor merupakan kebenaran bagi seseorang kakitangan pengajar untuk meneruskan Cuti Sabatikal.

(7) Tiap-tiap program belajar yang telah dibenarkan oleh Naib Canselor hendaklah dilaporkan oleh Pendaftar dan Setiausaha kepada Lembaga Perjawatan.

Perubahan kepada program belajar tidak dibenarkan tanpa kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu.

16. (1) Seseorang kakitangan pengajar tidak dibenarkan untuk membuat perubahan kepada program belajar yang telah dibenarkan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor.

(2) Jika seseorang kakitangan pengajar tidak mematuhi atau membuat sebarang perubahan kepada program belajar yang telah dibenarkan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor, Cuti Sabatikal kakitangan pengajar itu boleh ditamatkan dan kakitangan pengajar itu dipanggil balik untuk bertugas semula di Universiti. Selain itu, tindakan tatatertib boleh diambil terhadapnya.

Luputnya Cuti Sabatikal yang telah dibenarkan.

17. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2) dan peraturan-peraturan 20 dan 21, sekiranya seseorang kakitangan pengajar gagal meneruskan Cuti Sabatikal yang dijangka diambil, maka Cuti Sabatikal itu hendaklah dianggap telah luput.

(2) Naib Canselor boleh, atas budibicaranya, membenarkan seseorang kakitangan pengajar untuk menangguhkan pemergiannya dalam Cuti Sabatikal bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 14 hari. Dalam hal tersebut, tarikh bermulanya Cuti Sabatikal adalah tarikh dia pergi dan tempoh tertangguh itu tidak akan melayakkannya untuk diberikan cuti tahunan tambahan atau cuti tambahan.

Kehabisan Cuti Sabatikal yang dijangka diambil.

18. Pemberian Cuti Sabatikal kepada seseorang kakitangan pengajar akan menghabiskan kelayakannya mendapat Cuti Sabatikal itu walaupun tempoh yang diberikan kepadanya adalah kurang dari tempoh yang sepatutnya diberikan kepadanya, tidak kira sama ada pemberian Cuti Sabatikal bagi tempoh yang kurang itu dibuat akibat dari permohonannya itu sendiri atau atas kehendak Naib Canselor atau Lembaga Perjawatan.

Cuti Sabatikal tidak dikira sebagai perkhidmatan residen untuk memperoleh cuti tahunan masa depan.

19. Keseluruhan tempoh tidak hadir dalam Cuti Sabatikal tidak akan dikira sebagai perkhidmatan residen bagi maksud untuk memperoleh cuti tahunan masa depan.

Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab peribadi.

20. (1) Seseorang kakitangan pengajar yang program belajarnya telah dibenarkan boleh, atas sebab peribadi, memohon untuk menangguhkan pengambilan Cuti Sabatikalnya kepada suatu tarikh tidak lewat dari 12 bulan selepas tarikh Cuti Sabatikal itu dijangka diambil.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1) hendaklah, setakat yang boleh, dikemukakan kepada Pendaftar dan Setiausaha, melalui Ketua jabatan yang berkenaan dan Dekan, jika berkenaan, tidak kurang dari 3 bulan sebelum tarikh bermulanya Cuti Sabatikal yang dicadangkan itu.

(3) Naib Canselor boleh atas budibicaranya membenarkan atau menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan kecil (1).

(4) Kebenaran yang diberikan kepada seseorang kakitangan pengajar untuk menangguhkan pengambilan Cuti Sabatikalnya di bawah peraturan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut –

(a) tempoh penangguhan itu tidak akan dikira sebagai perkhidmatan residen bagi maksud untuk menghitung tempoh perkhidmatan residen untuk melayakkan bagi pemberian tempoh Cuti Sabatikal yang berikutnya;

(b) tempoh penangguhan itu hendaklah, walau bagaimanapun, melayakkan untuk memperoleh cuti tahunan tambahan yang akan digunakan bagi maksud cuti rehat sebelum meneruskan Cuti Sabatikal, yang dikira mengikut nisbahnya, tetapi tidak boleh digunakan untuk menambah tempoh Cuti Sabatikal dan tidak akan melayakkan bagi pemberian cuti tambahan; dan

(c) mana-mana baki cuti tahunan tambahan yang diperoleh di bawah perenggan (b) hendaklah dianggap telah luput jika tidak digunakan sebelum masa ahli kakitangan pengajar itu pergi dalam Cuti Sabatikal.

(5) Jika seseorang kakitangan pengajar tidak mengambil Cuti Sabatikalnya pada tarikh Cuti Sabatikalnya mungkin telah ditangguhkan di bawah peraturan ini, Cuti Sabatikal itu hendaklah dianggap telah luput.

(6) Setiap hal penangguhan Cuti Sabatikal di bawah peraturan ini hendaklah dilaporkan oleh Pendaftar dan Setiausaha kepada Lembaga Perjawatan.

Penangguhan wajib Cuti Sabatikal.

21. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), Naib Canselor boleh, oleh kerana keterdesakan perkhidmatan, menghendaki seseorang kakitangan pengajar untuk menangguhkan pengambilan Cuti Sabatikalnya dan boleh, khususnya, menghendakinya untuk ditangguhkan bagi membolehkan kakitangan pengajar itu memenuhi komitmen mengajarnya bagi suatu semester atau bagi tahun akademik:

Dengan syarat bahawa penangguhan itu tidak boleh melebihi suatu jumlah tempoh lebih dari 12 bulan, yang dikira dari tarikh kakitangan pengajar itu dijangka meneruskan Cuti Sabatikal atau tarikh Cuti Sabatikal mungkin telah ditangguhkan di bawah peraturan 20.

(2) Naib Canselor boleh, dengan persetujuan kakitangan pengajar yang berkenaan, melanjutkan tempoh penangguhan yang disebutkan dalam peraturan kecil (1) dengan syarat bahawa jumlah tempoh penangguhan di bawah peraturan kecil (1) dan di bawah peraturan kecil ini tidak melebihi 24 bulan.

(3) Jika seseorang kakitangan pengajar dikehendaki untuk menangguhkan pengambilan Cuti Sabatikalnya di bawah peraturan kecil (1) atau (2), peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan –

(a) tempoh penangguhan itu hendaklah melayakkan bagi memperoleh cuti tahunan, yang dikira mengikut nisbahnya;

(b) cuti tahunan tambahan yang diperoleh boleh digunakan bagi maksud-maksud yang berikut –

(i) bagi menambah seluruhnya atau sebahagiannya kepada tempoh Cuti Sabatikal yang telah dibenarkan dan untuk melayakkan bagi pemberian cuti tambahan dengan menambahnya dengan syarat bahawa had-had yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan 6 dan 7 tidak melebihi dan perubahan kepada program belajar itu boleh diterima dan dibenarkan oleh Naib Canselor;

- (ii) bagi maksud-maksud cuti rehat sebelum pemergian kaki-tangan pengajar itu dalam Cuti Sabatikal, tertakluk kepada keterdesakan perkhidmatan; atau
 - (iii) bagi gabungan maksud-maksud yang disebutkan dalam perenggan kecil (i) dan (ii);
- (c) jika suatu permohonan diterima di bawah peraturan kecil (3)(b)(i), Naib Canselor boleh sama ada menolak atau membenarkannya, dengan mengambil kira perubahan yang dicadangkan kepada program belajar yang telah dibenarkan, keterdesakan perkhidmatan dan kepentingan Universiti; dan
- (d) jika keseluruhan atau sebahagian dari cuti tahunan tambahan yang diperoleh hendak digunakan bagi maksud-maksud cuti rehat, mana-mana baki cuti itu yang tidak digunakan sebelum masa kakitangan pengajar itu meneruskan Cuti Sabatikal hendaklah dianggap telah luput.

(4) Jika seseorang kakitangan pengajar tidak mengambil Cuti Sabatikalnya pada tarikh Cuti Sabatikalnya mungkin telah ditangguhkan di bawah peraturan kecil (1) atau (2), Cuti Sabatikal itu hendaklah dianggap telah luput.

(5) Setiap hal penangguhan Cuti Sabatikal di bawah peraturan ini hendaklah dilaporkan oleh Pendaftar dan Setiausaha kepada Lembaga Perjawatan.

Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab di luar kawalan kakitangan pengajar.

22. Jika seseorang kakitangan pengajar perlu menangguhkan pengambilan Cuti Sabatikalnya atas sebab-sebab yang di luar kawalannya dan yang boleh diterima oleh Naib Canselor, hal tersebut hendaklah ditangani mengikut cara yang sama sebagaimana yang disebutkan dalam peraturan 21.

Tarikh mula memperoleh cuti tahunan masa depan.

23. Tarikh mula memperoleh cuti tahunan masa depan adalah tarikh bertugas semula dari pemberian Cuti Sabatikal yang terakhir atau dari tarikh seseorang kakitangan pengajar dijangka meneruskan Cuti Sabatikal dalam hal seseorang kakitangan pengajar

yang Cuti Sabatikalnya telah dianggap telah luput di bawah peraturan-peraturan 17(1), 20(5) atau 21(4).

Pembayaran gaji penuh dan faedah lain dalam tempoh Cuti Sabatikal.

24. (1) Seseorang kakitangan pengajar yang telah diberikan Cuti Sabatikal hendaklah dibayar gaji penuh dalam tempoh cuti tersebut, dan selain itu, hendaklah diberikan faedah-faedah yang berikut –

(a) elaun sara hidup harian pada suatu kadar sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis jika program belajar yang telah dibenarkan itu dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam, atau di luar Daerah Brunei dan Muara jika dijalankan di dalam Negara Brunei Darussalam, dengan merujuk kepada skala elaun yang berkuatkuasa pada masa ini;

(b) elaun tempat tinggal harian pada suatu kadar sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis jika program belajar yang telah dibenarkan itu dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam, atau di luar Daerah Brunei dan Muara jika dijalankan di dalam Negara Brunei Darussalam;

(c) bayaran tuisyen yang kena dibayar berkaitan dengan program belajar yang telah dibenarkan itu yang dikira mengikut nisbah tempoh Cuti Sabatikal yang diberikan, dengan syarat bahawa bayaran tuisyen yang dibayar bagi pihak mana-mana kakitangan pengajar dalam Cuti Sabatikal tidak boleh melebihi dari bayaran tuisyen bagi satu tahun akademik;

(d) tambang udara pergi balik kelas ekonomi yang paling murah dan dengan perjalanan langsung; dan

(e) pembayaran balik premium insurans kesihatan atau bayaran berkaitan dengan mana-mana Skim Kesihatan Kebangsaan atau Skim Kesihatan Pelajar yang disertai oleh seseorang kakitangan pengajar dengan kebenaran Naib Canselor, tetapi hanya selama tempoh Cuti Sabatikal itu dihabiskan di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Faedah-faedah dalam peraturan kecil (1) hanya dikenakan kepada kakitangan pengajar itu sendiri.

Bantuan luar berkaitan dengan program Cuti Sabatikal.

25. (1) Seseorang kakitangan pengajar tidak dibenarkan untuk memohon atau menerima apa-apa bantuan kewangan atau sebarang bentuk bantuan bernilai lain dari apa-apa sumber selain dari Universiti berkaitan dengan suatu program Cuti Sabatikal, kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor.

(2) Jika seseorang kakitangan pengajar menerima apa-apa bantuan kewangan atau sebarang bentuk bantuan bernilai lain berkaitan dengan suatu program Cuti Sabatikal dari apa-apa sumber selain dari Universiti, maka bayaran, perbelanjaan dan elaun yang biasanya kena dibayar kepada kakitangan pengajar itu di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikurangkan setakat mana dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Naib Canselor.

Pengemukakan laporan mengenai program belajar.

26. (1) Seseorang kakitangan pengajar yang menjalani suatu program belajar di luar Negara Brunei Darussalam hendaklah mendapatkan suatu laporan bertulis daripada penyeliaanya atau Ketua jabatannya di tempatnya belajar atau membuat penyelidikan atau lawatan pada tamatnya program belajar itu, dan mengemukakannya kepada Naib Canselor:

Dengan syarat bahawa Naib Canselor boleh, dalam hal yang bersesuaian, mengecualikan seseorang kakitangan pengajar dari kehendak di atas.

(2) Seseorang kakitangan pengajar yang menjalani program belajarnya di dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah mengemukakan kepada Ketua jabatannya sekali dalam setiap 3 bulan suatu laporan kemajuan mengenai kerja yang dilakukan olehnya.

(3) Seseorang kakitangan pengajar yang dalam Cuti Sabatikal, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, hendaklah mengemukakan suatu laporan mengenai kerja yang dilaksanakan olehnya kepada Pendaftar dan Setiausaha, melalui

Ketua jabatannya dan Dekan, jika berkenaan, dalam masa 30 hari dari tarikh dia bertugas semula selepas kembali dari Cuti Sabatikal.

(4) Seseorang kakitangan pengajar yang tidak mengemukakan suatu laporan dalam masa yang dinyatakan dalam peraturan kecil (3) atau dalam masa yang dilanjutkan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Naib Canselor atas budibicaranya, atas permohonan kakitangan pengajar itu, tidak akan dipertimbangkan bagi pemberian mana-mana Cuti Sabatikal yang akan datang.

Elaun dll. hendaklah dibayar balik jika gagal menamatkan Cuti Sabatikal.

27. Jika seseorang kakitangan pengajar gagal menamatkan programnya yang telah dibenarkan, dia hendaklah bertanggung untuk membayar balik semua elaun, bayaran dan pembayaran lain dan perbelanjaan yang dibayar oleh Majlis dalam tempoh Cuti Sabatikalnya.

Elaun tidak dibayar dalam masa Cuti Sabatikal.

28. Seseorang kakitangan pengajar yang menerima apa-apa elaun pemangku, elaun kerja, elaun kenderaan atau apa-apa elaun lain berkaitan dengan pemegangan sesuatu jawatan berelaun tidak boleh dibayar apa-apa elaun tersebut dalam tempoh Cuti Sabatikal.

Penglibatan dalam aktiviti berbayar dll.

29. Seseorang kakitangan pengajar dalam Cuti Sabatikal adalah masih berkhidmat dengan Universiti dalam tempoh percutiannya itu dan tidak dibenarkan untuk mengambil apa-apa pekerjaan.

Kawalan tata tertib dan penyeliaan.

30. Dalam tempoh Cuti Sabatikal, seseorang kakitangan pengajar masih berada di bawah kawalan tata tertib dan penyeliaan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di Universiti dan dia hendaklah berkelakuan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada tanggungjawab-tanggungjawabnya terhadap Universiti dan Kerajaan Negara

Brunei Darussalam, dan hendaklah tertakluk kepada semua peruntukan tatatertib dan prosedur yang dikenakan kepada kakitangan Universiti.

Penamatan Cuti Sabatikal.

31. (1) Dengan tidak menghiraukan peraturan-peraturan 16(2) dan 27, Universiti adalah berhak untuk menamatkan Cuti Sabatikal seseorang kakitangan pengajar pada bila-bila masa.

(2) Selepas Cuti Sabatikal itu ditamatkan oleh Universiti, dia hendaklah bertanggung untuk membayar balik semua elaun, bayaran dan pembayaran lain dan perbelanjaan yang dibayar oleh Majlis dalam tempoh Cuti Sabatikalnya.

Arahan oleh Majlis.

32. Dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini, Naib Canselor hendaklah bertindak menurut arahan yang berbentuk am atau khusus sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Majlis dengan syarat bahawa arahan tersebut adalah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini.

Peruntukan-peruntukan peralihan berhubung dengan penggunaan cuti tahunan yang dikumpul sehingga tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini bagi maksud belajar.

33. (1) Peruntukan-peruntukan peralihan yang berikut berhubung dengan penggunaan cuti tahunan yang telah dibenarkan untuk dikumpul sehingga tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini, dalam peraturan ini disebut sebagai cuti terkumpul, hendaklah dikenakan kepada kakitangan pengajar yang berkhidmat dengan Universiti sehingga tarikh itu –

(a) seseorang kakitangan pengajar yang sedang berkhidmat boleh memohon kepada Lembaga Perjawatan untuk menggunakan seluruh atau sebahagian dari cuti terkumpulnya bagi maksud-maksud belajar dengan menambahnya kepada Cuti Sabatikal yang akan dipohonkan di bawah peraturan 9(1). Lembaga

Perjawatan boleh, setelah mengambil kira sokongan Naib Canselor, membenarkan atau menolak permohonan itu;

(b) dalam membenarkan suatu permohonan yang dibuat di bawah perenggan (a), Lembaga Perjawatan boleh mempersetujui seluruh atau sebahagian dari cuti terkumpul itu untuk digunakan bagi maksud-maksud tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut –

- (i) cuti terkumpul yang dibenarkan untuk digunakan maksud-maksud tersebut tidak melayakkan bagi pemberian cuti tambahan di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan
- (ii) jumlah tempoh cuti terkumpul yang dibenarkan untuk digunakan bagi maksud-maksud tersebut dan Cuti Sabatikal yang dipohonkan dan diberikan di bawah peraturan 9(1) tidak melebihi 360 hari;

(c) jika jumlah tempoh cuti terkumpul yang dibenarkan untuk digunakan bagi maksud-maksud tersebut dan Cuti Sabatikal yang diberikan di bawah peraturan 9(1) berjumlah tidak kurang dari 180 hari, kakitangan pengajar itu boleh dibenarkan untuk meneruskan Cuti Sabatikal jika –

- (i) dia memenuhi prasyarat dan syarat-syarat pemberian Cuti Sabatikal di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan
- (ii) program belajarnya dibenarkan oleh Naib Canselor.

(2) Peruntukan-peruntukan peralihan yang disebut dalam peraturan kecil (1) hanya sah jika suatu permohonan di bawah peraturan kecil (1)(a) dibuat dalam masa 6 bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini.

Diperbuat pada hari ini haribulan Tahun Hijrah 1429
bersamaan dengan haribulan 2008.

Pengerusi Majlis Universiti.